



MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada warganegara Malaysia dan keutamaan diberikan kepada anak Negeri Perlis yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

Bil	Nama Jawatan/ Gred	Kumpulan Perkhidmatan	Taraf Jawatan	Gaji Minimum – Maksimum
1.	PEGAWAI UNDANG-UNDANG GRED L41 (1 Kekosongan)	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	KONTRAK	RM2,418.00 -RM9,607.00

JAWATAN: PEGAWAI UNDANG-UNDANG GRED L41

Jawatan : PEGAWAI UNDANG-UNDANG GRED L41

Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional

Taraf jawatan : Kontrak (1 kekosongan)

Jadual Gaji:

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM2,418.00	RM9,607.00	RM225.00

SYARAT LANTIKAN:

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - warganegara Malaysia;
 - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred L41: RM2,418.00); atau
 - Sijil Amalan Guaman.
(Gaji permulaan ialah pada Gred L41: RM2,418.00); atau
 - Barrister-at-law-England*.
(Gaji permulaan ialah pada Gred L41: RM2,418.00); atau
 - Solicitor of the Supreme Court of Judicature of England* atau *Solicitor of the Senior Courts of England and Wales* daripada *Solicitor Regulation Authority*.
(Gaji permulaan ialah pada Gred L41: RM2,418.00)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS:

Bertanggungjawab menjalankan tugas perundangan dalam aspek pendakwaan, perbicaraan dan rayuan, nasihat perundangan, penggubalan undang-undang, penyemakan dan pembaharuan undang-undang, guaman dan hal ehwal antarabangsa.

CARA MEMOHON:

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Pengisian Jawatan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis yang boleh didapati melalui laman web rasmi Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis dengan melayari www.maips.gov.my dan kaunter pentadbiran ini.
2. Hanya calon yang berkelayakan selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
3. Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan dan temuduga jawatan ini adalah tanggungjawab calon.
4. Semua permohonan jawatan perlu disertakan *resume* dengan sekeping gambar terkini berukuran passport, bersama salinan sijil/dokumen-dokumen yang telah disahkan seperti berikut:
 - i) Kad Pengenalan
 - ii) Sijil kelahiran
 - iii) Sijil berhenti sekolah
 - iv) sijil-sijil Akademik
 - v) sijil kegiatan luar (jika ada)
 - vi) Lain-lain dokumen pengesahan pernah menjalankan tugas berkaitan dengan jawatan dipohon.
5. Permohonan yang lewat atau tidak lengkap tidak akan dilayan dan akan dianggap tidak berjaya.
6. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
7. Sila tulis 'nama jawatan' disebelah atas kiri sampul surat bagi permohonan jawatan yang dikemukakan.
8. Permohonan yang telah lengkap diisi beserta salinan dokumen yang telah disahkan hendaklah dialamatkan atau dihantarkan kepada:

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS
NO. A2, TAMAN PENGKALAN ASAM
JALAN TUANKU SYED PUTRA
01000 KANGAR
PERLIS**

TARIKH TUTUP IKLAN: 15 OKTOBER 2021 (JUMAAT)

TARIKH: 17 September 2021